


Nama Pelajar : _____ Tingkatan : _____



SMK _____

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2020
PERNIAGAAN TINGKATAN 5**

3766/2

Kertas 2

Oktober

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** bahagian : **Bahagian A, B dan C.**
2. Jawab **5** soalan di **bahagian A**, **2** soalan daripada **bahagian B** dan **1** soalan wajib dalam **bahagian C**
3. Jawapan anda, hendaklah ditulis di dalam buku jawapan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Bahagian A		Markah	Jumlah Markah
Soalan 1	10		
Soalan 2	10		
Soalan 3	10		
Soalan 4	10		
Soalan 5	10		
Soalan 6	10		
Jumlah Markah (A)	50		
Bahagian B		Markah	Jumlah Markah
Soalan 7	15		
Soalan 8	15		
Soalan 9	15		
Jumlah Markah (B)	30		
Bahagian C		Markah	Jumlah Markah
Soalan 10	20		
Jumlah Markah (C)	20		
Jumlah (A+B+C) (Markah)	100		

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. a) Nyatakan ciri-ciri koperasi. [6 markah]
b) Gambar 1 menunjukkan salah satu sektor dalam perniagaan.

**Gambar 1**

Nyatakan dan jelaskan sektor perniagaan tersebut. [4 markah]

2. a) Jelaskan pelepasan cukai yang berikut:
i. Elaun cukai pelaburan [2 markah]
ii. Pengecualian cukai [2 markah]
iii. Potongan cukai [2 markah]
b) Nyatakan peranan kerajaan pusat dari aspek perlindungan pengguna [4 markah]

3. a) Terangkan tujuan penetapan misi sesebuah perniagaan. [4 markah]
b) Gambar 2 menunjukkan suatu platform atas talian untuk memasarkan barang.

**Gambar 2**

- i. Jelaskan aplikasi teknologi maklumat berikut. [2 markah]
ii. Mengapakah perniagaan tersebut memasarkan barang melalui aplikasi ini? [4 markah]
- 4 a) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia dari aspek yang berikut :
i. Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran [3 markah]
ii. Latihan peningkatan kemahiran [3 markah]

- b) Gambar 3 berkaitan promosi yang dijalankan oleh sebuah syarikat pengeluar telefon bimbit.



Gambar 3

Huraikan kaedah promosi yang sesuai dijalankan oleh pengeluar produk tersebut bagi meningkatkan lagi jualan produk seterusnya dapat meningkatkan keuntungan.

[4 markah]

- 5 a) Terangkan sumber pembiayaan berikut :
- i. Pajakan
 - ii. Pemfaktoran

[3 markah]

[3 markah]

- b) Gambar 4 berkaitan sumber fizikal yang digunakan oleh sebuah perniagaan.



Gambar 4

Terangkan prosedur yang perlu dilakukan bagi mengurus sumber fizikal tersebut.

[4 markah]

Lihat halaman sebelah

- 6 a) Jelaskan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya. [6 markah]
- b) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan penyata pendapatan yang disediakan oleh Kedai XYZ

Kedai XYZ	
<u>Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019</u>	
	RM
Jualan	20,000
<i>Tolak</i> : Kos jualan	<u>(9,000)</u>
Jualan bersih	11,000
<i>Tolak</i> : Belanja operasi	<u>(3,000)</u>
Untung bersih	<u>8,000</u>

Bagaimanakah penyata pendapatan tersebut dapat membantu pihak pengurusan Syarikat XYZ membuat analisis kewangan? [4 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 7 i) Gambar berikut menunjukkan dokumen rasmi yang diperolehi oleh Syarikat Saffone Jaya Trading.



Terangkan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Saffone Jaya Trading setelah mendapat dokumen rasmi tersebut. [4 markah]

- ii) Maklumat yang berikut menunjukkan perbualan antara Encik Kamal, Pengurus Pemasaran Syarikat JHK Berhad dengan Encik Ismail, salah seorang jurujualnya.

Encik Kamal : Encik Ismail, saya dapati prestasi jualan anda semakin menurun enam bulan kebelakangan ini. Semua jurujual yang lain telah menunjukkan prestasi jualan yang meningkat pada tempoh masa yang sama. Jika prestasi sedemikian, komisen yang anda akan terima menurun dan syarikat mungkin terpaksa memberhentikan anda. Boleh tahu mengapa prestasi anda merosot?

Encik Ismail : Minta maaf Encik Kamal, ramai peniaga di kawasan saya sudah menutup perniagaan dan berpindah ke lokasi lain. Hal ini kerana kawasan itu kerap dilanda banjir dan mereka menghadapi kerugian.

Encik Kamal : Oh, kalau begitu, mulai bulan depan saya akan menetapkan satu kawasan baharu yang masih belum kita liputi. Saya dengar ada banyak kedai baharu di kawasan ini. Lagipun bilangan penduduk semakin ramai di situ.

Encik Ismail : Terima kasih Encik Kamal. Saya pasti dapat meningkatkan jualan di kawasan baharu berkenaan dalam masa dua hingga tiga bulan sahaja.

Huraikan **dua** aspek pengelolaan sumber manusia berdasarkan situasi tersebut.

[6 markah]

- iii) Terangkan faktor dalaman yang dimainkan oleh Encik Kamal dalam menyumbang kepada perubahan persekitaran perniagaan. [5 markah]

8. Maklumat berikut berkaitan dengan En Hazim

En. Hazim menyedari potensi yang cukup besar dalam industri menjual basikal pada masa kini. Beliau berhasrat membuka sebuah perniagaan menjual komponen basikal dan basikal lengkap di bandar Batu Pahat. Pada peringkat awal perancangan, beliau mendapatkan maklumat dan membuat tinjauan pasaran berkaitan perniagaan basikal daripada kedai menjual basikal sedia ada, pembekal dan pengeluar basikal serta agensi kewangan bagi tujuan mendapatkan sumber pembiayaan.

- i) Berdasarkan situasi tersebut, senaraikan prosuder yang perlu dipatuhi oleh En Hazim dalam mendaftarkan perniagaan beliau [6 markah]
- ii) Terangkan kepentingan interaksi yang telah diwujudkan oleh En Hazim terhadap organisasi luar semasa membuat perancangan perniagaan beliau. [4 markah]
- iii) Huraikan perkaitan interaksi yang boleh wujud antara perniagaan En. Hazim dengan pembekal dan pengeluar basikal dalam bahagian fungsian jualan, bahagian fungsian kewangan dan bahagian fungsian khidmat pelanggan. [5 markah]

9 a) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Dollah..

Encik Dollah mengusahakan sebuah dusun durian seluas lima ekar.. Encik Dollah menyasarkan kepada pasaran tempatan iaitu disekitar negeri di Pantai Barat, Pantai Timur dan Selatan. Pelbagai maklum balas diterima daripada pelanggan yang mengesyorkan beliau mempelbagai produk berasaskan durian yang tahan lama dan boleh dieksport ke luar negara. Memandangkan permintaan yang sangat menggalakkan bagi hasil durian Beliau bercadang membeli tanah seluas lima ekar lagi untuk diusahakan dengan penanaman pokok durian. Beliau memerlukan modal tambahan sebanyak RM25 000. Beliau ingin memohon pinjaman daripada institusi kewangan yang sesuai.

- i) Huraikan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Encik Dollah untuk mendapatkan sumber pembiayaan daripada institusi kewangan tersebut. [6 markah]
- ii) Terangkan langkah yang perlu dilaksanakan oleh Encik Dollah sekiranya ingin membangunkan produk baharu [4 markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan Perniagaan Juriah Putu Bambu.

Pandemik *Covid 19* memberikan kesan ketara kepada Perniagaan Juriah Putu Bambu dengan pengurangan bilangan pelanggan yang mengunjungi gerai jualannya. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sedikit sebanyak merencatkan perniagaannya. Akibatnya gaji pekerja terpaksa dipotong dan sebilangan kecil pekerjaanya diberhentikan kerja kerana tidak mampu lagi menanggung kos operasi yang tinggi. Konsep perniagaan asal Juriah Putu Bambu adalah konsep layan diri di mana pelanggan perlu datang ke gerai dan mengambil sendiri makanan yang siap dibungkus seterusnya membuat bayaran di kaunter. Salah seorang pekerjaanya mencadangkan mengaplikasi kemudahan teknologi dan perkhidmatan penghantaran ke rumah bagi meningkatkan kembali jualan.

Terangkan faktor yang mempengaruhi Perniagaan Juriah Putu Bambu mengubah visi, misi dan objektif perniagaan. [5 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10. Syarikat Perabot Zali dan Rakan-rakan telah ditubuhkan pada 1 Mac 2015 oleh Haji Razali bersama 2 orang rakan karibnya iaitu En. Salleh dan En. Azman. Haji Razali mempunyai pengalaman selama 15 tahun sebagai Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di sebuah syarikat perabot. Manakala En Salleh pernah bekerja sebagai Eksekutif Kewangan di sebuah bank. Mereka telah nekad berhenti kerja bagi memulakan perniagaan perabot. Modal permulaan perniagaan yang dilaburkan ialah sebanyak RM300,000 dengan pembahagian syer 50:30:20. Mereka juga membuat pinjaman modal permulaan perniagaan sebanyak RM200,000 daripada Bank CIMB Berhad. Haji Razali telah dilantik sebagai CEO syarikat yang menguruskan pentadbiran keseluruhan operasi syarikat. Manakala, En. Salleh bertanggungjawab sebagai Pengurus Kewangan dan Pemasaran. En. Salleh turut dibantu oleh dua orang pekerja iaitu penyelia kewangan dan penyelia pemasaran. Manakala, En Azman bertanggungjawab sebagai Pengurus Operasi dan Pentadbiran. En Azman turut dibantu oleh dua orang penyelia di bawah jabatannya. Syarikat Perabot Zali dan Rakan-rakan telah beroperasi di kawasan perindustrian Seri Gading, Batu Pahat, Johor. Antara produk yang dikeluarkan ialah set kelengkapan perabot pejabat dan perabot rumah kediaman. Syarikat tersebut mempunyai 60 orang pekerja tetap dan jualan tahunannya ialah RM8 juta setahun.

Namun, sejak 2 tahun kebelakangan ini keuntungan syarikat mula merosot. Bertambah teruk lagi merosot pada tahun ini apabila pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Syarikat mula mencatat penurunan jumlah pengeluaran setiap bulan. Kesannya keuntungan syarikat turut terjejas teruk. Syarikat juga menghadapi masalah rekabentuk perabot keluarannya telah ditiru oleh pesaing. Beliau bercadang untuk mendaftarkan rekabentuknya supaya dapat melindungi rekabentuk produk perabot keluaran syarikatnya agar tidak ditiru. Pihak syarikat juga bercadang untuk membuang 10 orang pekerja tetap. Manakala pekerja yang berjawatan kontrak tidak akan disambung kontraknya. Pihak syarikat bercadang untuk mengambil hanya 5 orang pekerja sambilan bagi tujuan menjimatkan kos operasi syarikat dengan membayar gaji mengikut bilangan jam dan hari bekerja.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) i) Nyatakan bentuk pemilikan perniagaan Syarikat Perabot Zali dan Rakan-rakan [1 markah]
ii) Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan yang dijalankan di a (i) [4 markah]
- b) i) Nyatakan jenis struktur organisasi Syarikat Perabot Zali dan Rakan-rakan [1 markah]
ii) Lakarkan jenis struktur organisasi seperti di b (i) [4 markah]
- c) i) Apakah jenis harta intelek yang didaftarkan oleh syarikat dan mengapakah syarikat
berbuat demikian? [2 markah]
ii) Nyata dan jelaskan agensi yang terlibat dalam pendaftaran harta intelek syarikatnya
[3 markah]
- d) Pihak syarikat telah mengurangkan bilangan pekerja bagi tujuan mengurangkan kos operasi
syarikat. Nyata dan huraikan dua jenis pengangguran yang terlibat dalam situasi tersebut.
[5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

